



KENYATAAN MEDIA UNTUK SIARAN SEGERA

HARI MESRA BERSAMA PELANGGAN PTPTN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meraikan pelanggan PTPTN yang terdiri daripada Kementerian, agensi kerajaan, agensi swasta, SAHABAT PTPTN, rakan strategik dan rakan-rakan media bersempena Majlis Mesra Bersama Pelanggan 2023 di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur, hari ini. Ini sebagai menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang selama ini telah banyak memberikan sokongan dan kerjasama padu dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan PTPTN.
2. YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi telah hadir memeriahkan majlis dan meluangkan masa beramah mesra bersama pelanggan PTPTN. YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Lembaga Pengurusan PTPTN serta Pengurusan Tertinggi KPT dan PTPTN juga turut hadir ke majlis ini.
3. PTPTN sebagai agensi yang memperkasa agenda pendidikan tinggi negara, sentiasa cakna dan prihatin dalam menyalurkan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan melalui program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk kebijakan dan kesejahteraan masyarakat. Pada majlis yang sama, PTPTN telah memberikan sumbangan CSR berjumlah RM10,000 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime kepada 20 orang pelajar istimewa iaitu 10 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan 10 orang pelajar Universiti Malaya (UM). UIAM dan UM telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan PTPTN dan sumbangan ini merupakan salah satu bentuk kerjasama strategik, tanda keprihatinan PTPTN dalam aspek pendidikan.
4. PTPTN mengalu-alukan semua pihak untuk meneroka pelbagai bentuk kerjasama yang lebih bersepada bersama PTPTN bagi kepentingan negara dengan menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk pemberian sumbangan dalam memartabatkan pendidikan tinggi negara. Ia sekali gus akan membantu meningkatkan kesedaran budaya menabung bagi tujuan pendidikan tinggi.

5. PTPTN juga sentiasa komited agar masyarakat Malaysia mengutamakan perancangan kewangan untuk kelangsungan pendidikan tinggi anak-anak. Menjadi hasrat PTPTN untuk mentransformasikan minda masyarakat dari hanya bergantung kepada pinjaman kepada membudayakan penabungan agar anak-anak tidak dibelenggu hutang setelah tamat pengajian.
6. Simpan SSPN merupakan produk simpanan pendidikan yang menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia. Antara kelebihan produk ini ialah kadar dividen yang kompetitif, pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih hingga RM8,000 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, perlindungan takaful secara percuma dan simpanan dijamin Kerajaan serta patuh syariah.
7. Simpan SSPN turut menawarkan pelbagai kempen yang menarik dan bagi memeriahkan sambutan hari raya pada tahun ini sedang berlangsung Kempen Cabutan WOW! Syoknya Raya untuk pendeposit Simpan SSPN bermula 1 Mac hingga 31 Mei 2023. Hadiyah wang tunai berjumlah hampir RM50,000 menanti 23 pemenang. Pembukaan akaun dan penambahan simpanan boleh dibuat melalui aplikasi myPTPTN dengan mudah, cepat dan selamat.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
8 Mei 2023